A

Mohamad Anuar bin Omar lwn Pendakwa Raya dan satu lagi rayuan

B

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO C-05–13 TAHUN 2002 DAN C-05–14 TAHUN 2002
ZAINUN ALI, SULAIMAN DAUD DAN TEE AH SING HHMR
15 MARCH 2010

C

Keterangan — Beban pembuktian — Alibi — Notis di bawah s 402A Kanun Prosedur Jenayah — Sama ada mandatori — Sama ada kegagalan memberikan notis mewajarkan penolakan saksi pembelaan

D

Keterangan — Kenyataan — Kenyataan beramaran — Sama ada kenyataan beramaran tertuduh pertama dibuat secara sukarela — Sama ada kegagalan mencabar keterangan saksi-saksi pendakwaan memudaratkan kes pembelaan — Sama ada alasan kukuh dikemukakan untuk mewajarkan campur tangan dapatan hakim bicara

E

Kes pendakwaan mengikut keterangan-keterangan saksi menyatakan bahawa Nik Khazanah bt Wan Yaacob 'si mati' ialah seorang peniaga menjual pelbagai jenis barangan secara hutang yang dipesan ke rumah pelanggan-pelanggannya. Pada 4 Jun 1999, si mati telah keluar berniaga dengan menaiki van tetapi tidak
F pulang ke rumahnya. Pada keesokan hari jasad si mati telah dijumpai dalam keadaan rentung dalam van kepunyaannya hangus terbakar di satu kawasan belukar di tepi jalan kira-kira 100 ela dari rumah tertuduh pertama. Keterangan pendakwaan menunjukkan bahawa si mati telah terlebih dahulu dibunuh pada 4 Jun 1999 di rumah tertuduh pertama, isterinya ('SP4') dan
G anak-anaknya. Saksi utama pendakwaan SP4 menyatakan tertuduh kedua mengarahnya menyampaikan pesanannya meminta si mati datang ke rumah SP4. Seterusnya SP4 menyatakan apabila si mati masuk ke rumahnya tertuduh ketiga mengilas tangan si mati ke belakang dan suami SP4, memukul si mati dengan kayu. Selepas itu, SP4 dikunci dalam sebuah bilik dan selang beberapa
H minit apabila dia keluar dari bilik, SP4 mendapati si mati terbaring di atas lantai dengan lehernya terjerut. Tertuduh kedua kemudiannya keluar mengambil van si mati dan ketiga-tiga tertuduh mengusung si mati masuk ke dalam van dan beredar meninggalkan rumah SP4. Pada malam 4 Jun 1999,
I SP4 mengikut tertuduh pertama membeli minyak dengan menggunakan botol-botol dari rumah tertuduh pertama. Tertuduh pertama kemudian memberhentikan kereta di tepi jalan kira-kira 100 ela dari rumahnya di mana tertuduh kedua dan ketiga sedang menunggu. Ketiga-tiga tertuduh memasuki semak bersama dengan botol-botol minyak tersebut. Apabila ketiga-tiga tertuduh keluar dari semak, SP4 menyatakan kedengaran bunyi letupan dari

semak tersebut. Pihak polis telah merakamkan percakapan beramaran tertuduh pertama menurut s 113 Kanun Prosedur Jenayah yang dicabar oleh tertuduh pertama atas alasan ia tidak diberi secara sukarela. Tertuduh ketiga mengemukakan keterangan-keterangan alibi penglibatannya dalam pakatan menyebabkan kematian si mati. Tertuduh pertama, kedua dan ketiga dituduh bersama atas kesalahan membunuh si mati di bawah s 302 Kanun Keseksaan ('Kanun') dibaca bersama s 34 Kanun. Hakim bicara yang bijaksana telah berjaya membuktikan suatu kes prima facie terhadap ketiga-tiga tertuduh selepas menerima keterangan daripada, antara lain, pakar patologi, ahli kimia dan SP4. Ketiga-tiga tertuduh telah merayu terhadap pertuduhan tersebut. Walau bagaimanapun tertuduh kedua telah meninggal dunia sebelum rayuan tersebut didengar. Maka kedua-dua tertuduh berhujah, antara lain; (i) bahawa pernyataan beramaran tertuduh pertama tidak diberikan secara sukarela; (ii) bahawa terdapat keraguan tentang keterangan dan kebolehpercayaan SP4; (iii) bahawa unsur-unsur niat bersama tidak dibuktikan melampaui keraguan yang munasabah.

Diputuskan, menolak rayuan-rayuan:

(1) Hakim bicara yang bijaksana telah dengan betul mengenal pasti aduan atau dakwaan tertuduh pertama yang boleh dikaitkan dengan unsur-unsur dorongan, ugutan atau janji. Seterusnya beliau telah menguji dan menilai aduan dan dakwaan tertuduh itu dengan keterangan saksi-saksi lain termasuk saksi-saksi pendakwaan yang mematahkan dakwaan-dakwaan tersebut. Hakim bicara juga telah memutuskan bahawa keterangan saksi-saksi pendakwaan yang menafikan telah memukul tertuduh pertama semasa dalam tahanan langsung tidak dicabar oleh pihak pembelaan, semasa pemeriksaan balas mereka. Seterusnya soal mengenai kesukarelaan sesuatu pernyataan yang dirakamkan itu adalah suatu soal fakta. Tiada sebarang alasan yang kukuh mengganggu dapatan fakta hakim bicara yang bijaksana bahawa percakapan beramaran tertuduh pertama telah dibuat secara sukarela dan diterima sebagai keterangan adalah tepat (lihat perenggan 22 & 23).

(2) Takrifan hakim bicara yang bijaksana adalah betul bagi ungkapan rakan sejenayah. Beliau dalam memutuskan bahawa SP4 bukannya seorang rakan sejenayah kerana SP4 tidak terlibat dalam apa-apa perancangan terdahulu oleh ketiga-tiga tertuduh untuk membunuh si mati. Peranan SP4 hanyalah sekadar menyampaikan pesanan tertuduh kedua meminta si mati datang ke rumahnya untuk bayaran hutang. Tiada apa-apa yang menunjukkan bahawa SP4 mengetahui tentang helah ketiga-tiga tertuduh untuk memperdayakan si mati datang ke rumahnya bagi perlaksanaan, perancangan dan pakatan mereka untuk membunuh si mati. Maka tiada kecacatan dalam dapatan fakta hakim bicara bahawa SP4 bukannya seorang rakan sejenayah (lihat perenggan 29).

(3) Hakim bicara yang bijaksana telah dengan betul menolak keterangan saksi-saksi pembelaan bagi menyokong alibi tertuduh ketiga atas kegagalannya memberikan notis yang dikehendaki oleh s 402A Kanun Prosedur Jenayah (lihat perenggan 49).

(4) Tiada keraguan tentang kematian si mati berdasarkan keterangan ikut keadaan dan daripada profil DNA jasad yang ditemui. Hakim bicara yang bijaksana juga telah membuat penilaian kehakiman yang betul dalam menerima keterangan SP4 yang disokong oleh pernyataan beramaran tertuduh pertama dan seterusnya mendapati keterangan yang dikemukakan oleh pihak pembelaan telah gagal menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan yang jelas menunjukkan bahawa si mati telah dibunuh oleh ketiga-tiga tertuduh menurut niat dan perancangan bersama mereka (lihat perenggan 50).

[English summary

The prosecution's case according to the witness' evidence stated that Nik Khazanah bt Wan Yaacob ('the deceased') was a salesperson selling various types of goods on instalment basis from house to house. On 4 June 1999, the deceased had gone out for sale on her van but did not return home. The next day, her body was found burnt in her van which was also burnt in a bush area by the road about 100 yards from the first accused's house. The prosecution's evidence showed that the deceased had been murdered earlier on 4 June 1999 at the first accused's house. The prosecution's key witness ('SP4') stated that the second accused directed her to relay the message asking the deceased to come to SP4's house. Further SP4 stated that when the deceased entered her house, the third accused tied the hands of the deceased to the back and SP4's husband beat the deceased with a piece of wood. Thereafter, SP4 was locked in a room and after a few minutes when she came out of the room, SP4 found that the deceased was lying on the floor with her neck constricted. The second accused then went out to take the deceased's van and all three accused persons carried the deceased into the van and left SP4's house. On the night of 4 June 1999, SP4 followed the first accused to buy some petrol using the bottles from the first accused's house. The first accused then stopped the car by the road about 100 yards from his house whereby the second and third accused persons were waiting. All the three accused persons entered the bushes with the bottles of petrol. When the three accused persons came out of the bushes, SP4 said that an explosion sound was heard from the bushes. The police had recorded the cautioned statement of the first accused pursuant to s 113 of the Criminal Procedure Code ('CPC') which had been challenged by the first accused on the grounds that it was not given voluntarily. The third accused adduced the evidence of alibi of his involvement in the collusion to cause the death of the deceased. The first, second and third accused persons had been charged together for the offence of murdering the deceased under s 302 of the Penal Code ('the Code') read with s 34 of the Code. The learned trial judge had

proved a prima facie case against all three accused persons after admitting the evidence from, inter alia, the pathologist, the chemist and SP4. All three accused persons pleaded against the charge. However, the second accused had died even before the appeal was heard. Thus, both the accused persons contended, inter alia: (i) that the cautioned statement of the first accused was not given voluntarily; (ii) that there was doubt as to the evidence and SP4's credibility; and (iii) that elements of common intention had not been proved beyond reasonable doubt.

Held, dismissing the appeals:

(1) The learned trial judge had correctly identified the complaint or allegation of the first accused which could be connected to the elements of inducement, threat or promise. Further he had tested and evaluated the complaint and allegation of the accused against the evidence of other witnesses including the prosecution witnesses to rebut the allegations. The trial judge had decided that the evidence of the prosecution witnesses that had denied beating the first accused while in detention had not been challenged at all by the defence, during their cross-examination. Further, the question as to the voluntariness of a statement recorded was a question of fact. There were no firm grounds to disturb the finding of fact by the learned trial judge that the first accused's cautioned statement had been given voluntarily and admitted as evidence was accurate (see paras 22 & 23).

(2) The interpretation by the learned trial judge was correct for the term accomplice. He had decided that SP4 was not an accomplice as SP4 was not involved in any prior planning by all the three accused persons to murder the deceased. SP4's role was merely to relay the message of the second accused to ask the deceased to come to her house for payment of the debt. There was nothing to show that SP4 was aware of the trick by all the three accused persons to cheat the accused to come to the house for the commission of their plan and their collusion to murder the deceased. Thus there was no irregularity in the finding of fact of the trial judge that SP4 was not an accomplice (see para 29).

(3) The learned trial judge had correctly rejected the defence witnesses' testimony in support of the alibi of the third accused for failure to serve the notice as required by s 402A of the CPC (see para 49).

(4) There was no doubt as to the death of the deceased based on the circumstantial evidence and the DNA profile of the body that was found. The learned trial judge had also made correct judicial evaluation in admitting the testimony of SP4 which was corroborated by the first accused's cautioned statement and further found the evidence adduced by the defence had failed to raise any reasonable doubt on the

prosecution's case which clearly showed that the deceased had been murdered by all the three accused persons in accordance to their common intention and plan (see para 50).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai alibi, lihat 7(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan 390–399.

Untuk kes-kes mengenai kenyataan beramaran, lihat 7(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan 2492–2511.

Kes-kes yang dirujuk

Aziz bin Muhamad Din v PP [1996] 5 MLJ 473; [1997] 1 CLJ Supp 523, MT (dirujuk)

Chan Ming Cheng v PP [2002] 3 MLJ 733, MR (dirujuk)

Chean Siong Guat v PP [1969] 2 MLJ 63, MT (diikut)

Davies v Director of Public Prosecutions [1954] 1 All ER 507, HL (dirujuk)

Mah Kok Cheong v R [1953] MLJ 46, MT (dirujuk)

Mahbub Shah v Emperor AIR 1945 PC 118 (dirujuk)

PP v Lim Chen Len [1981] 2 MLJ 41, MR (dirujuk)

Sivalingam a/l Periasamy v Periasamy & Anor [1995] 3 MLJ 395, MR (dirujuk)

Soo Leot, Re [1956] MLJ 54, MT (dirujuk)

Tan Ewe Huat v PP [2004] 1 MLJ 559; [2004] 1 CLJ 521, MP (dirujuk)

Wan Yuriilhami bin Wan Yaacob lwn Pendakwa Raya dan satu lagi rayuan [2009] 2 MLJ 383; [2009] 2 CLJ 170, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 ss 114, 133

Kanun Keseksaan ss 34, 302

Kanun Prosedur Jenayah ss 113, 182A, 402A

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45–1 Tahun 2000 (Mahkamah Tinggi, Kuantan)

Haniff Khatri (Haniff Khatri) bagi pihak tertuduh pertama dalam Rayuan Jenayah No C-05–13 Tahun 2002.

Rosal Azimin Ahmad (Shamsuddin & Co) bagi pihak tertuduh ketiga dalam Rayuan Jenayah No C-05–14 Tahun 2002.

Awang Armadajaya (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Sulaiman Daud HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah):

[1] Mohamad Anuar bin Omar ('tertuduh pertama'), Ahmad Jais bin Omar ('tertuduh kedua') dan Mohd Sharif bin Talib ('tertuduh ketiga') telah dituduh bersama di Mahkamah Tinggi Kuantan atas kesalahan membunuh Nik

Khazanah bt Wan Yaacob ('si mati') di bawah s 302 Kanun Keseksaan dibaca bersama dengan s 34 Kanun tersebut. Ketiga-tiga mereka telah disabitkan sebagaimana pertuduhan dan dijatuhkan hukuman mati. Mereka telah merayu ke mahkamah ini. Perlu dijelaskan bahawa tertuduh kedua Ahmad Jais bin Omar telah meninggal dunia sebelum rayuannya didengar, dan kini hanya terdapat dua rayuan di hadapan mahkamah ini.

[2] Rayuan Jenayah No C-05–13 Tahun 2002 adalah rayuan tertuduh pertama Mohamad Anuar bin Omar, dan Rayuan Jenayah No C-05–14 Tahun 2002 adalah rayuan tertuduh ketiga Mohd Sharif bin Talib. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, rujukan kepada tertuduh-tertuduh dalam rayuan ini adalah mengikut rujukan terhadap mereka masing-masing di mahkamah bicara.

[3] Mahkamah ini telah dengan sebulat suara menolak kedua-dua rayuan ini yang telah didengar bersama. Alasan-alasan kami bagi keputusan itu adalah seperti berikut.

KES PENDAKWAAN

[4] Kes pendakwaan menurut keterangan saksi-saksi yang mereka kemukakan bolehlah diringkaskan seperti berikut.

[5] Si mati Nik Khazanah bt Wan Yaakob adalah seorang peniaga menjual pelbagai jenis barangan secara hutang, termasuk pakaian dan barang-barang kemas. Dia akan membawa barang-barang yang diniagakan dan yang dipesan ke rumah pelanggan-pelanggannya. Pada 4 Jun 1999 si mati telah keluar berniaga dengan menaiki van tetapi pada malam itu dia tidak pulang ke rumah seperti biasa. Pada keesokan harinya jasad si mati telah dijumpai dalam keadaan rentung dalam van kepunyaannya yang hangus terbakar di suatu kawasan belukar di tepi jalan kira-kira 100 ela dari rumah tertuduh pertama. Terdapat gelungan-gelungan wayar terbakar yang meliliti bahagian lehernya. Juga terdapat kesan hidrokarbon jenis kerosene di bahagian belakang van tersebut.

[6] Keterangan pendakwaan menunjukkan sebelum dibakar di dalam van tersebut si mati telah terlebih dahulu dibunuh pada 4 Jun 1999 di rumah Lot Nombor 1246, Kampong Sungai Soi, Kuantan yang diduduki oleh tertuduh pertama dan isterinya ('SP4') bersama anak-anak mereka.

[7] SP4, saksi utama pendakwaan, yang melihat kejadian itu telah menceritakan peristiwa yang berlaku di rumahnya pada hari itu seperti berikut. Pada hari itu tertuduh kedua dan ketiga ada di rumahnya. Tertuduh kedua telah memintanya menelefon kakak iparnya bagi menyampaikan pesannya

meminta si mati datang ke rumahnya (rumah SP4) kerana dia hendak membayar hutang. Dia telah menuruti kehendak tertuduh itu dan telah pergi ke rumah jirannya untuk membuat panggilan dan menyampaikan pesanan tersebut. Pada jam lebih kurang 2 petang hari yang sama si mati telah datang ke rumahnya dengan menaiki van. Melihat si mati datang, tertuduh ketiga telah pergi menunggu di belakang pintu masuk. Sebaik sahaja si mati masuk dia telah menutup pintu dan memegang serta mengilas tangan si mati ke belakang. Sejurus kemudian suaminya, iaitu tertuduh pertama, telah keluar dari biliknya. Dia telah mengambil sebatang kayu dan mengetuk kepala si mati. Pada masa yang sama tertuduh ketiga telah menolaknya ke dalam bilik dan mengunci pintu bilik dari luar. Apabila pintu bilik dibuka selang beberapa minit kemudian, dia melihat si mati terbaring di atas lantai dengan lehernya terjerut. Tertuduh kedua kemudiannya telah keluar mengambil van si mati, dan seterusnya ketiga-tiga tertuduh telah mengusung si mati masuk ke dalam van dan beredar meninggalkan tempat itu.

[8] Tertuduh pertama telah pulang ke rumah pada jam lebih kurang 4 petang dengan membawa sebuah kereta. Mereka kemudiannya telah keluar semula dan singgah di rumah ibu mertuanya pada sebelah petang. Pada malam hari yang sama dia telah sekali lagi keluar menemankan tertuduh pertama ke bandar Kuantan. Mereka telah berhenti di sebuah stesyen minyak di mana tertuduh pertama telah membeli minyak dengan menggunakan botol-botol yang dibawanya dari rumah. Dalam perjalanan pulang tertuduh pertama telah memberhentikan kereta di tepi jalan kira-kira 100 ela dari rumah mereka di mana tertuduh kedua dan ketiga telah sedia menunggu. Tertuduh pertama telah keluar membawa minyak yang dibelinya dan masuk ke dalam kawasan semak bersama-sama kedua-dua tertuduh itu. Selang beberapa minit kemudian tertuduh pertama telah keluar dan diikuti dengan bunyi letupan. Pada keesokan harinya dia sekeluarga telah balik ke kampungnya di Kuala Terengganu.

[9] Tertuduh kedua telah ditangkap pada 8 Jun 1999, dan tertuduh pertama dan ketiga ditangkap pada 9 Jun 1999.

[10] Pada 17 Jun 1999 DSP Mohd Sabri telah merakamkan percakapan beramaran tertuduh pertama menurut s 113 Kanun Prosedur Jenayah. Pihak pembelaan telah mencabar penerimaan percakapan itu atas alasan ia tidak dibuat secara sukarela. Berikutan suatu bicara dalam bicara yang telah diadakan, hakim bicara yang bijaksana telah mendapati tiada keraguan bahawa percakapan itu telah diberikan dengan sukarela oleh tertuduh pertama. Percakapan itu telah diterima sebagai keterangan dan ditandakan sebagai eksh P33.

[11] Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara yang bijaksana telah mendapati pihak pendakwa telah berjaya membuktikan suatu kes prima facie terhadap ketiga-tiga tertuduh. Beliau telah menerima keterangan saksi-saksi pendakwaan, termasuk keterangan pakar patologi (SP15) dan ahli kimia (SP17) bahawa mayat rentung dalam van itu adalah mayat si mati. Hakim bicara yang bijaksana turut mendapati wujud perancangan bersama oleh ketiga-tiga tertuduh untuk menyebabkan kematian si mati dan jenayah itu telah dilakukan oleh mereka menurut perancangan tersebut. Dalam memutuskan sedemikian hakim bicara yang bijaksana telah menerima kebenaran keterangan SP4 yang didapatinya disokong oleh percakapan beramaran P33 berbanding dengan keterangan tertuduh-tertuduh dan saksi-saksi mereka yang didapatinya gagal menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan.

KES PEMBELAAN

Tertuduh pertama

[12] Tertuduh pertama dalam pembelaannya telah menafikan terlibat dalam pembunuhan si mati tetapi sebaliknya telah menuduh isterinya (SP4) yang menyebabkan kematiannya. Dia menyatakan isterinya telah bergaduh dengan si mati dan telah memukul kepala si mati beberapa kali dengan kayu di ruang tamu rumahnya sebaik sahaja si mati masuk ke dalam rumah. Dia juga melihat SP4 mengikat tangan dan bahagian leher si mati dengan wayar di ruang tamu. Dia cuma membantu isterinya mengangkat si mati masuk ke dalam bilik rumahnya dan hanya tahu tentang kebakaran van yang dimaksudkan melalui akhbar pada 8 Jun 1999 semasa berada di Klang.

Tertuduh ketiga

[13] Tertuduh ketiga juga telah menafikan terlibat dalam pakatan menyebabkan kematian si mati. Dia telah mengemukakan keterangan-keterangan alibi walaupun tiada apa-apa notis diberikan di bawah s 402A Kanun Prosedur Jenayah. Dalam keterangannya, dia menyatakan pada hari kejadian itu 4 Jun 1999 dia berada di rumahnya dan hanya keluar rumah pada jam lebih kurang 12 tengah hari. Pada pukul 3 petang dia telah pergi ke rumah Johan untuk meminjam motor dan seterusnya ke Sungai Soi mencari umpan pancing. Dia telah balik ke rumah kira-kira jam 4 petang dan telah pergi semula ke rumah Johan untuk sama-sama keluar memancing. Dia dan Johan telah sampai di tempat memancing di Paya Bagor hampir jam 6 petang. Malam itu dia tidur di rumah kawan Johan. Pada pagi keesokan harinya 5 Jun 1999, dia telah pergi melihat tajurnya dan seterusnya dia dan Johan telah pergi menebas tanah arwah emak Johan. Dia telah balik dan sampai ke rumahnya pada jam lebih kurang 6 petang hari yang sama.

[14] Tertuduh ketiga turut memanggil dua orang saksi lain, iaitu SP8 dan SP9, bagi menyokong alibinya. Keterangan SP9 (Johan) mengenai pergerakannya dengan tertuduh pada hari kejadian dan hari berikutnya adalah sama seperti yang diberikan oleh tertuduh ketiga sendiri.

[15] Turut memberi keterangan bagi pihak pembelaan ialah anak tertuduh pertama dan SP4, iaitu SB4. Dia telah dikemukakan oleh peguam tertuduh kedua (si mati). SB4 berumur sembilan tahun ketika kejadian dan 11 tahun semasa memberi keterangan di mahkamah. Dia telah memberi keterangan tidak bersumpah. Keterangannya setakat yang material dengan rayuan ini adalah seperti berikut. Dia mengenali Mak Cik Zimah (si mati) dan melihatnya mati di depan rumahnya dekat televisyen. Si mati telah mati akibat diketuk oleh emaknya di depan televisyen. Selepas mengetuk si mati, emaknya telah mengangkat si mati masuk ke dalam bilik dan mengikatnya dengan tali. Ketika kejadian itu hanya ibu dan bapanya berada di rumah bersama-sama dengan adik-adiknya.

[16] Hakim bicara yang bijaksana telah mendapati tertuduh pertama berbohong di mahkamah. Sebaliknya beliau telah menerima kebenaran pernyataan beramarannya yang didapatinya konsisten dengan keterangan SP4. Hakim bicara juga telah menolak keterangan tertuduh ketiga dan keterangan saksi-saksinya yang lain bagi menyokong alibinya atas kegagalannya memberikan notis yang dikehendaki di bawah s 402A Kanun Prosedur Jenayah.

ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN

[17] Dalam rayuan ini, peguam-peguam yang bijaksana bagi kedua-dua tertuduh telah menumpukan hujahan-hujahan mereka atas alasan-alasan yang berikut, iaitu:

(a) Pernyataan beramaran tertuduh pertama (eksh P33) tidak diberikan secara sukarela.

(b) Terdapat keraguan tentang keterangan dan kebolehpercayaan SP4.

(c) Tiada keterangan konklusif tentang identiti si mati.

(d) Unsur-unsur niat bersama tidak dibuktikan dengan melampaui keraguan yang munasabah.

(e) Penolakan pembelaan alibi tertuduh ketiga.

KEPUTUSAN

Pernyataan beramaran P33, sama ada sukarela

[18] Peguam tertuduh pertama telah memberikan dua alasan utama bagi

mencabar kesukarelaan pernyataan beramaran P33. Pertama, beliau menegaskan hakim bicara yang bijaksana telah gagal untuk memberikan pertimbangan sewajarnya ke atas keterangan tertuduh itu semasa bicara dalam bicara yang menurutnya jelas menunjukkan bagaimana dia telah diperlakukan sebelum percakapannya direkodkan. Kedua, hakim bicara juga telah tersilap di sisi undang-undang mengenai ujian yang terpakai dalam menentukan kesukarelaan pernyataan itu.

[19] Mengenai isu-isu yang dibangkitkan di atas, peguam yang bijaksana telah menarik perhatian mahkamah kepada keterangan tertuduh pertama, semasa bicara dalam bicara, bahawa dia telah digari tangan dan kaki dan disuruh berdiri sepanjang malam tanpa makan dan minum semasa dia ditahan di lokap. Dia juga menyatakan telah dipukul semasa disoal siasat pada keesokan harinya. Berdasarkan kepada unsur-unsur kekerasan ini, peguam yang bijaksana menghujahkan wujud keadaan syak sekitaran, pembuatan atau rakaman pernyataan tersebut, dan dengan yang demikian ia tidak sepatutnya diterima sebagai keterangan.

[20] Adalah suatu prinsip undang-undang yang mantap bahawa beban terletak pada pihak pendakwa untuk membuktikan bahawa sesuatu pernyataan yang dirakamkan dari seseorang tertuduh di bawah s 113 Kanun Prosedur Jenayah telah diberikan secara sukarela. Sebaliknya tiada keperluan undang-undang bagi tertuduh menimbulkan suatu keraguan yang munasabah tentang kesukarelaan pernyataan tersebut. Dia hanya perlu menunjukkan keadaan syak sekitaran rakaman pernyataan itu bagi mahkamah menolak penerimaannya sebagai keterangan (lihat *Chan Ming Cheng v Public Prosecutor* [2002] 3 MLJ 733; *Tan Ewe Huat v Public Prosecutor* [2004] 1 MLJ 559; [2004] 1 CLJ 521.

[21] Mengenai isu kesukarelaan ini, hakim bicara yang bijaksana dalam keputusannya di akhir bicara dalam bicara telah berkata:

> … Mengenai ugutan hanya peguam menyoal balas ASP Siva dan Kpl Tamilselvam dan dinafikan sedangkan tertuduh pertama tidak langsung menyentuhnya dalam keterangannya. Oleh itu tidak berasas. Mengenai didera dan dipukul penafian SBT4, 5 dan 6 tidak langsung dicabar walaupun tertuduh pertama mendakwa enam hingga tujuh orang yang menyoal siasat serta memukulnya termasuk ASP Siva dan ASP Mohd Nor. ASP Siva pun tidak disoal balas mengenainya …

[22] Saya mendapati hakim bicara yang bijaksana telah membuat penilaian kehakiman yang betul ke atas keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak-pihak, termasuk keterangan tertuduh pertama sendiri, semasa bicara dalam bicara. Pertamanya, beliau telah dengan betul mengenal pasti aduan atau dakwaan tertuduh pertama yang boleh dikaitkan dengan unsur-unsur

dorongan, ugutan atau janji. Seterusnya beliau telah menguji dan menilai aduan dan dakwaan tertuduh itu dengan keterangan saksi-saksi lain, termasuk saksi-saksi pendakwaan yang mematahkan dakwaan-dakwaan tersebut. Mengenai dakwaan yang dia telah dipukul, kami mendapati hakim bicara yang bijaksana telah dengan betul memutuskan bahawa keterangan saksi-saksi pendakwaan yang menafikan telah memukul tertuduh pertama semasa dalam tahanan langsung tidak dicabar oleh pihak pembelaan semasa pemeriksaan balas mereka.

[23] Adalah ternyata bahawa soal mengenai kesukarelaan sesuatu pernyataan yang dirakamkan itu adalah suatu soal fakta. Pada amnya mahkamah bicara yang melihat dan mendengar saksi-saksi memberi keterangan mempunyai kedudukan yang lebih baik daripada mahkamah rayuan untuk membuat penilaian-penilaian yang wajar ke atas keterangan-keterangan tersebut. Begitu juga pada lazimnya mahkamah rayuan tidak begitu mudah untuk menolak sesuatu keputusan hakim bicara kecuali jika ternyata alasan-alasan yang diberikan tidak memuaskan, atau bahawa keputusan itu telah dibuat tanpa memberikan penilaian kehakiman yang sewajarnya kepada keterangan-keterangan di hadapan mahkamah (lihat *Sivalingam a/l Periasamy v Periasamy & Anor* [1995] 3 MLJ 395; *Wan Yuriilhami bin Wan Yaacob lwn Pendakwa Raya dan satu lagi rayuan* [2009] 2 MLJ 383; [2009] 2 CLJ 170).

[24] Atas alasan-alasan di atas, kami mendapati tiada sebab bagi kami untuk mengganggu dapatan fakta hakim bicara yang bijaksana bahawa percakapan beramaran P33 telah dibuat secara sukarela dan seterusnya diterima sebagai keterangan.

Kebolehpercayaan keterangan SP4

[25] Peguam-peguam yang bijaksana bagi kedua-dua tertuduh seterusnya telah menghujahkan bahawa hakim bicara telah tersilap apabila menerima keseluruhan keterangan SP4. Dua alasan utama telah diberikan: pertama, adalah ditegaskan bahawa SP4 adalah seorang rakan sejenayah dan dengan yang demikian keterangannya hendaklah disokong; dan kedua, keterangan SP4 tidak boleh dipercayai kerana bukan sahaja terdapat perselisihan di antara keterangannya dengan keterangan saksi-saksi pendakwaan lain, khususnya SP3, SP4, SP12 dan SP14, tetapi juga bercanggah dengan keterangan SB4, dan keterangan tertuduh pertama serta percakapan beramarannya P33. Kami akan menimbangkan isu-isu ini mengikut susunan di atas.

SP4, sama ada rakan sejenayah

[26] Kedudukan undang-undang mengenai keterangan rakan sejenayah adalah muktamad. Menurut s 133 Akta Keterangan 1950 'seseorang rakan sejenayah ialah saksi yang berwibawa terhadap tertuduh; dan suatu sabitan

tidak menyalahi undang-undang semata-mata oleh sebab sabitan itu berpunca daripada testimoni tidak disokong yang diberikan oleh seorang rakan sejenayah'. Di bawah misalan (b) s 114 Akta yang sama telah diperuntukkan bahawa 'mahkamah boleh menganggap bahawa seseorang rakan sejenayah sememangnya tidak boleh dipercayai melainkan jika disokong mengenai butir-butir matan'. Namun demikian, terdapat suatu kaedah undang-undang yang mantap bahawa seseorang hakim hendaklah mengingatkan dirinya tentang bahaya mensabitkan seseorang tertuduh atas keterangan seseorang rakan sejenayah melainkan keterangan itu disokong dan dengan tiadanya peringatan itu, mahkamah rayuan akan membatalkan sabitan itu (lihat *Aziz bin Muhamad Din v Public Prosecutor* [1996] 5 MLJ 473; [1997] 1 CLJ Supp 523).

[27] Soalnya sama ada SP4 adalah seorang rakan sejenayah kepada tertuduh-tertuduh. Hakim bicara yang bijaksana dalam memutuskan SP4 bukan seorang rakan sejenayah telah berkata:

> Sama ada SP4 boleh dianggap sebagai rakan sejenayah (accomplice) seperti disarankan oleh En. Ramli dan Dato Haranay, bergantung kepada peranannya dalam menyebabkan kematian Kak Zimah. 'Accomplice' ditakrifkan sebagai seorang yang membantu orang lain melakukan sesuatu jenayah atau perkara yang lazimnya salah (lihat *The Cambridge Advanced Learner's Dictionary 2003*). Ia juga diperihalkan sebagai particeps criminis atau peserta dalam jenayah. Peranan SP4 di sini terhad pergi ke rumah Kak Jarah atas arahan suaminya untuk membuat panggilan telefon dengan pesanan minta Kak Zimah datang ke rumahnya dan menyambut panggilan telefon Kak Zimah bahawa dia akan datang. SP4 bertindak atas arahan apabila membuat panggilan telefon yang setahunya adalah bagi tujuan membayar hutang. Jika dia terlibat dalam apa-apa pakatan jenayah atau perancangan terhadap si mati tidak mungkin dia memberitahu Kak Jarah bahawa pemanggil telefon adalah Kak Zimah yang akan datang memungut hutang. Kehadirannya semasa kejadian tidak lebih daripada sebagai tuan rumah yang pasif dan saksi yang melihat sendiri...

[28] Dalam kes *Re Soo Leot* [1956] MLJ 54, Buhagiar J telah menerima pakai takrifan rakan sejenayah dalam kes *Davies v Director of Public Prosecutions* [1954] 1 All ER 507, iaitu 'persons who are participes criminis in respect of the actual crime charged, whether as principals or accessories before or after the fact (in felonies) or persons committing, procuring or aiding and abetting (in the case of misdemeanours)'.

[29] Kami mendapati hakim bicara yang bijaksana telah membuat takrifan yang betul bagi ungkapan rakan sejenayah, iaitu seseorang yang terlibat dalam perlakuan sesuatu jenayah, sama ada sebagai pelaku utama atau pembantu. Dalam memutuskan bahawa SP4 bukannya seorang rakan sejenayah, hakim bicara yang bijaksana telah mendapati SP4 tidak terlibat dalam apa-apa

perancangan terdahulu oleh ketiga-tiga tertuduh untuk membunuh si mati. Peranan yang dimainkannya hanyalah sekadar menelefon kakak iparnya untuk menyampaikan pesanan tertuduh kedua meminta si mati datang ke rumahnya untuk bayaran hutang. Tiada apa-apa yang menunjukkan SP4 mengetahui tentang helah tertuduh-tertuduh memperdaya si mati datang ke rumahnya bagi perlaksanaan perancangan dan pakatan mereka untuk membunuh si mati. Oleh itu kami mendapati tiada kecacatan dalam dapatan fakta oleh hakim bicara bahawa SP4 bukannya seorang rakan sejenayah.

Perselisihan keterangan SP4 dengan saksi pendakwaan lain

[30] Ini membawa kami kepada isu kedua mengenai kebolehpercayaan SP4. Peguam yang bijaksana bagi tertuduh pertama telah memberikan dua alasan dalam mencabar kebolehpercayaan SP4, iaitu pertama, telah ditegaskan terdapatnya perselisihan di antara keterangan SP4 dengan keterangan saksi-saksi pendakwaan SP3, SP4, SP12 dan SP14; dan kedua, keterangan tertuduh pertama (SB1) dan pernyataan beramarannya P33 turut menimbulkan keraguan ke atas keseluruhan keterangan SP4.

[31] Pada pendapat kami perselisihan yang dimaksudkan di antara keterangan SP4 dengan keterangan saksi-saksi pendakwaan lain seperti yang dibangkitkan di atas bolehlah ditimbangkan di bawah kepala-kepala berikut:

(a) Sama ada tidur di rumah ibu mertua atau selainnya:

Kami mendapati tiada apa-apa perselisihan mengenai fakta ini dalam pemeriksaan utama dan pemeriksaan balas SP4. Kedua-duanya menunjukkan bahawa SP4 telah pergi ke rumah ibu mertuanya bersama-sama tertuduh pertama pada petang hari kejadian itu dan telah pulang ke rumah mereka pada malam hari yang sama.

(b) Keterangan SP4 dan SP12:

Adalah ditegaskan keterangan SP4 bahawa dia boleh nampak tertuduh kedua dan ketiga dalam semak di tempat kebakaran dari tepi jalan bercanggah dengan keterangan SP12 yang menyatakan tempat itu terlindung dari jalan. Kami mendapati tiada apa-apa perselisihan sedemikian. Ternyata kepada kami SP4 tidak pernah menyatakan melihat tertuduh kedua dan ketiga dalam semak. Dia hanya melihat mereka dari tempat keretanya berhenti sebelum 'ketiga-tiga orang masuk ke dalam semak', termasuk suaminya tertuduh pertama.

(c) Keterangan SP4 dan SP14:

Kami mendapati memang terdapat perselisihan di antara keterangan kedua-dua saksi ini. SP4 menyatakan ibunya tiada di rumah semasa mereka sampai di Kuala Terengganu, sedangkan SP14 (kakak SP4) menyatakan SP4 datang ke rumahnya bersama-sama ibunya. Namun demikian, pada hemat kami ia tidaklah begitu material hingga boleh menjejaskan kebolehpercayaan SP4 mengenai keterangan yang diberikannya tentang penglibatan tertuduh-tertuduh dalam menyebabkan kematian si mati.

(d) Keterangan SP4 dan SP3:

Berkenaan dengan perselisihan dalam keterangan SP4 dan ahli sains SP3 mengenai bahan bakar yang ditemui pada van, hakim bicara yang bijaksana telah menjelaskan seperti berikut:

> Apa yang diberitahu oleh SP4 ialah 'sebelum pergi Anuar ada masuk ke dapur dan ambil 3 botol oren dan 1 botol 2 T. Saya tanya dia buat apa. Dia kata untuk isi minyak buat spare perjalanan beliau ke Terengganu esok'. Yang menyebut tentang minyak petrol bukannya SP4 tetapi ialah Anuar di dalam P33 yang mengaku membelinya dan menyerahkannya kepada Lobo dan Jais pada pagi 5 Jun 1999. Anuar mendakwa minyak kerosene digunakan juga untuk memasak di rumahnya.

[32] Berdasarkan kepada huraian-huraian di atas, kami mendapati hakim bicara yang bijaksana telah membuat penilaian dan keputusan yang betul tentang isu perselisihan keterangan yang dibangkitkan di atas. Begitu juga perselisihan-perselisihan lain yang dibangkitkan yang tidak dihuraikan di sini hanyalah perselisihan kecil dan tidak serius hingga boleh menjejaskan keterangan SP4. Kami akan meneruskan dengan percanggahan yang dikatakan di antara keterangan SP4 dan percakapan beramaran P30.

Keterangan SP4 dibandingkan dengan P33

[33] Selain daripada yang disebut terdahulu, cabaran ke atas kebolehpercayaan SP4 turut dikaitan dengan percanggahan-percanggahan yang dikatakan wujud di antara keterangannya dengan kandungan P33. Hakim bicara yang bijaksana telahpun memberikan perhatian kepada percanggahan yang dibangkitkan itu dengan berkata:

> Memang terdapat perbezaan antara versi SP4 dan P33 tetapi tiada percanggahan daripada asas faktanya. Sama ada Anuar atau Jais yang menyuruh SP4 pergi menelefon Kak Salmi telah dijelaskan oleh SP4 — Jais yang menyuruhnya tetapi apabila dia enggan Anuar yang minta dia pergi ... Begitu juga siapa yang suruh Anuar ketuk kepala Kak Zimah — SP4 kata Jais suruh tetapi Anuar dalam P33 kata Lobo yang suruh dia. Hakikatnya ialah Anuarlah yang mengetuk Kak Zimah dan berbuat demikian apabila disuruh oleh salah seorang daripada mereka (Jais atau Lobo).

[34] Kami juga mendapati hakim bicara yang bijaksana telah membuat suatu penilaian kehakiman yang betul dan telah tidak tersalah arah dalam mencapai keputusan yang dibuatnya seperti di atas. Pada hemat kami percanggahan yang dikatakan itu, jikapun wujud, tidaklah material langsung hingga boleh menjejaskan kes pendakwaan. Keterangan-keterangan tersebut jelas menunjukkan SP4 tidak membuat panggilan telefon yang dimaksudkan atas kehendaknya sendiri dan tertuduh pertama adalah orang yang mula-mula

menyerang si mati. Dalam menimbangkan isu perselisihan keterangan ini kami menerima saranan Abdul Hamid J (beliau pada masa itu) dalam kes *Chean Siong Guat v Public Prosecutor* [1969] 2 MLJ 63 bahawa perselisihan dalam keterangan saksi-saksi boleh didapati dalam mana-mana kes atas alasan tiada dua orang boleh menyatakan perkara yang sama dengan cara yang betul-betul sama. Kebenaran mutlak adalah di luar tanggapan manusia dan percanggahan dalam versi sesuatu kejadian, walaupun oleh seseorang jujur dan tak berkepentingan, adalah suatu pengalaman biasa.

Keterangan SP4 berbanding keterangan SB4 dan P33

[35] Peguam tertuduh pertama selanjutnya menegaskan hakim bicara yang bijaksana turut gagal membuat penilaian maksimum ke atas keseluruhan keterangan di hadapannya, khususnya keterangan SP4 dan SB4 dan kandungan P33, yang memberikan versi-versi yang berlainan mengenai kejadian pembunuhan si mati. Beliau menegaskan versi SB4 adalah cerita sebenar.

[36] Hakim bicara yang bijaksana telah menilai keterangan SB4 tersebut dan mendapati saksi itu ternyata tidak bercakap benar dan kemungkinannya dia tidak nampak apa yang berlaku. Peguam yang bijaksana telah membidas dapatan hakim bicara tersebut yang ditegaskan telah gagal memberikan apa-apa pertimbangan ke atas keterangan SB4. Menurut peguam yang bijaksana keterangan SB4 jelas menunjukkan bahawa dia melihat dan tahu apa yang berlaku di rumahnya pada hari kejadian itu. Keterangannya juga konsisten dengan kes pendakwaan bahawa si mati telah dipukul dan dijerut. Beliau menambah, apa-apa perselisihan yang terdapat dalam keterangannya juga tidak material untuk memutuskan bahawa saksi itu telah berbohong.

[37] Seterusnya peguam yang bijaksana itu menghujahkan tiada sebab bagi kanak-kanak yang masih mentah (child of tender years) seperti SB4 untuk memberikan keterangan bagi mengaitkan emaknya sendiri dengan perlakuan kesalahan itu. Beliau menambah, keterangan SB4 yang mengaitkan emaknya dengan kematian si mati diperkuatkan dengan keterangan yang menunjukkan terdapatnya kesan darah pada baju yang dipakai oleh SP4 yang dijumpai di rumahnya. Begitu juga menurutnya tiada apa-apa alasan diberikan oleh hakim bicara yang bijaksana dalam menolak keterangan SB4.

[38] Sebelum kami menimbangkan isu yang dibangkitkan ini, perlu diingatkan bahawa SB4 telah memberi keterangan di peringkat pembelaan. Seksyen 182A Kanun Prosedur Jenayah menghendaki mahkamah, di akhir sesuatu perbicaraan, menimbangkan kesemua keterangan yang dikemukakan di hadapannya dan menentukan sama ada pihak pendakwa telah membuktikan kesnya dengan melampaui keraguan yang munasabah. Bagi

menggagalkan pihak pendakwa membuktikan kesnya sedemikian, pihak pembelaan hanya perlu menimbulkan suatu keraguan yang munasabah tentang kebenaran kes pendakwaan atau kebersalahan tertuduh (lihat *Mah Kok Cheong v R* [1953] MLJ 46). Persoalannya, bukannya versi saksi mana yang patut percayai sebagaimana yang dibangkitkan oleh peguam bijaksana tetapi sama ada keterangan yang dikemukakan oleh pihak pembelaan itu telah berjaya menimbulkan keraguan ke atas kes pendakwaan. Dalam hal ini, kami mendapati hakim bicara telah tidak terkeliru dengan penghujahan peguam yang bijaksana dan telah membuat pertimbangan di akhir kes pembelaan atas landasan undang-undang yang betul.

[39] Hakim bicara yang bijaksana dalam menolak kebenaran keterangan SB4 mendapati keterangannya tidak konsisten dan berubah-ubah. Beliau telah merujuk kepada perselisihan dalam keterangan SB4 yang berikut:

(a) Menjawab kepada peguambela tertuduh kedua dia menyatakan semasa kejadian bapanya duduk di belakang rumah tetapi semasa ditanya oleh peguam tertuduh pertama dia menyatakan bapanya 'kat atas'.

(b) SB4 terus berdolak-dalik semasa dia diperiksa balas keesokan harinya di mana dia sekali lagi menyatakan semasa si mati di ketuk dan dijerut bapanya tertuduh pertama berada di belakang dan tidak masuk ke dalam rumah.

(c) Keterangan SB4 bahawa emaknya telah mengangkat si mati masuk ke dalam bilik dan menjerut leher si mati di dalam bilik juga bercanggah dengan keterangan SP4 yang tidak dicabar, dan keterangan tertuduh pertama sendiri, bahawa si mati telah dipukul dan dijerut di ruang tamu.

[40] Setelah meneliti penilaian oleh hakim bicara mengenai isu yang dibangkitkan ini, kami dapati tiada sebab bagi kami untuk campur tangan dalam keputusannya itu. Ternyata kepada kami bahawa SB4 begitu terkeliru dengan apa yang berlaku di rumahnya pada hari itu. Perselisihan dalam keterangannya, khususnya di mana bapanya berada semasa si mati diserang, memperkuatkan hujah kami ini. Begitu juga kami mendapati kebolehpercayaan SB4 turut terhakis semasa dia diperiksa balas oleh pihak pendakwa. Jika diperhatikan dia hanya berdiam diri apabila diajukan soalan-soalan yang menyentuh tentang peranan tertuduh pertama dan tertuduh ketiga dalam jenayah tersebut.

[41] Seperkara lagi, menurut saksi itu dia terus menonton televisyen di ruang tamu ketika kejadian itu tetapi bagaimana pula dia boleh melihat emaknya mengikat si mati dengan tali dalam bilik seperti yang dikatakannya. Setelah mengambil kira bahawa SB4 telahpun berumur sembilan tahun ketika itu, pada hemat kami jika benar dia melihat emaknya mengetuk dan mengikat si mati tidak mungkin dia akan terus berada di situ menonton televisyen apatah

lagi untuk keluar main masak-masak selepas itu seolah-olah tiada apa-apa yang luar biasa telah berlaku di sekitarnya. Begitu juga kami mendapati keterangannya yang tidak menunjukkan apa-apa reaksi terhadap kejadian yang dikatakan dilihatnya itu turut memperkuatkan lagi dapatan hakim bicara yang bijaksana bahawa saksi itu telah berbohong.

[42] Berkenaan dengan hujahan terdapatnya kesan darah pada baju SP4, adalah mencukupi bagi kami untuk mengatakan bahawa tiada keterangan yang menunjukkan baju yang dimaksudkan itu adalah kepunyaan SP4. Begitu juga kami mendapati hujahan tiada sebab bagi SB4 untuk mengkaitkan emaknya dengan jenayah itu tidak boleh dipertahankan. Pada hemat kami SB4 mempunyai segala sebab untuk berbuat demikian kerana yang menghadapi tuduhan dan perlu dibela adalah bapanya dan bukan emaknya.

Unsur-unsur niat bersama, sama ada dibuktikan

[43] Peguambela-peguambela yang bijaksana bagi kedua-dua tertuduh selanjutnya menghujahkan bahawa hakim bicara yang bijaksana juga tersilap apabila memutuskan terdapatnya unsur-unsur niat bersama di kalangan tertuduh-tertuduh dalam menyebabkan kematian si mati. Menurut beliau bukan sahaja hakim bicara tidak membuat apa-apa dapatan tentang siapa yang memukul kepala si mati atau menjerut lehernya tetapi beliau juga gagal membuat apa-apa penemuan fakta yang konklusif tentang peranan setiap tertuduh dalam menyebabkan kematian si mati.

[44] Dalam memutuskan bahawa terdapat perancangan bersama di antara ketiga-tiga tertuduh untuk menyebabkan kematian si mati, hakim bicara yang bijaksana pertamanya mendapati tertuduh pertama telah terlebih dahulu menyediakan kayu untuk menyerang si mati dan dia telah mengetuk kepala si mati dengan kayu itu setelah disuruh oleh salah seorang daripada tertuduh. Beliau juga telah menerima keterangan SP4 tentang pakatan terancang ketiga-tiga tertuduh mengenai apa yang hendak dilakukan ke atas si mati apabila dia sampai ke rumah itu. Beliau juga telah mengambil tindakan tertuduh ketiga mengambil wayar dan seterusnya mengikat tangan dan menjerut leher si mati di atas lantai di ruang tamu. Selepas itu ketiga-tiga mereka telah membawa mayat si mati ke dalam van sebelum meninggalkan van itu di suatu kawasan semak dan mereka telah sama-sama 'melupuskan kesan dan bukti kekejaman mereka dari tempat kejadian'.

[45] Adalah suatu prinsip undang-undang yang mantap bahawa bagi pemakaian s 34 Kanun Keseksaan hendaklah dibuktikan terdapatnya suatu perancangan terdahulu di antara tertuduh-tertuduh untuk melakukan sesuatu kesalahan, dan kesalahan yang dimaksudkan itu telah dilakukan oleh seorang atau lebih daripada mereka secara pakatan menurut perancangan itu. Tiada

keperluan untuk membuktikan seseorang tertuduh itu terlibat secara langsung dalam perbuatan atau perlakuan jenayah itu sendiri. Apa yang perlu dibuktikan ialah terdapatnya pakatan atau kesefahaman di antara mereka untuk melakukan jenayah yang dimaksudkan, dan kesalahan itu telah dilakukan oleh mana-mana daripada mereka menurut pakatan itu (lihat *Mahbub Shah v Emperor* AIR 1945 PC 118).

[46] Dalam kes sekarang ini terdapat keterangan yang lebih daripada mencukupi bagi menunjukkan bahawa ketiga-tiga tertuduh telah membuat perancangan bersama untuk menyebabkan kematian si mati. Si mati telah diperdaya untuk datang ke rumah itu oleh tertuduh kedua dengan memperalatkan SP4 untuk menelefon kakak iparnya dengan pesanan meminta si mati datang ke rumahnya. Sebelum si mati sampai ketiga-tiga tertuduh telah berpakat tentang apa yang hendak dilakukan kepada si mati. Ketiga-tiga mereka turut terlibat secara langsung dalam menjayakan perancangan mereka itu. Tertuduh ketiga menunggu si mati di belakang pintu dan memegangnya sebaik sahaja si mati masuk ke dalam rumah. Tertuduh pertama telah mengetuk kepala si mati dan tertuduh ketiga seterusnya menjerut leher si mati apabila dia jatuh terkulai akibat ketukan itu. Kami mendapati tindakan mereka menyerang si mati sedemikian jelas menunjukkan niat bersama mereka hendak menyebabkan kematian si mati. Berdasarkan keterangan di atas, kami mendapati hakim bicara yang bijaksana telah tidak tersilap dalam memutuskan terdapatnya perancangan bersama di kalangan ketiga-tiga tertuduh untuk menyebabkan kematian si mati, dan kematiannya juga telah disebabkan oleh salah seorang atau lebih daripada mereka menurut rancangan terdahulu mereka itu.

Pembelaan alibi tertuduh ketiga

[47] Peguam yang bijaksana bagi tertuduh ketiga menghujahkan bahawa hakim bicara yang bijaksana telah tersalah arah apabila gagal menimbangkan keterangan tertuduh itu dan keterangan saksi-saksi pembelaan yang lain, khususnya SD4, SD8 dan SD9, yang menurutnya jelas menunjukkan tertuduh ketiga tidak berada di tempat kejadian semasa si mati dibunuh. Peguam yang bijaksana itu selanjutnya menegaskan walaupun keterangan sedemikan berupa keterangan alibi tetapi tiada sebab bagi hakim bicara untuk menolak keterangan tersebut walaupun tiada notis diberikan di bawah s 402A Kanun Prosedur Jenayah.

[48] Kedudukan undang-undang mengenai keterangan alibi telah diputuskan secara muktamad. Menurut s 402A Kanun Prosedur Jenayah tiada keterangan bagi menyokong pembelaan alibi boleh diterima sebagai keterangan melainkan notis secara bertulis telah diberikan kepada pihak pendakwa. Keperluan memberi notis tersebut juga terpakai bagi keterangan

alibi yang diberikan oleh tertuduh sendiri. Mahkamah juga tidak mempunyai apa-apa budi bicara untuk mengetepikan kehendak undang-undang bagi pemberian notis sedemikian (lihat *Public Prosecutor v Lim Chen Len* [1981] 2 MLJ 41).

[49] Pada pendapat kami hakim bicara yang bijaksana telah dengan betul menolak keterangan saksi-saksi pembelaan bagi menyokong alibi tertuduh ketiga atas kegagalannya memberikan notis yang dikehendaki oleh s 402A tersebut. Kami juga mendapati hakim bicara yang bijaksana telah dengan betul memutuskan bahawa 'dengan penolakan keterangan Anuar (tertuduh pertama) dan SB4, pembelaan Lobo (tertuduh ketiga) tinggal penafian kosong dan tidak boleh membangkitkan apa-apa keraguan terhadap kes pendakwaan'.

PENUTUP

[50] Kesimpulannya, dalam rayuan sekarang ini kami mendapati hakim bicara yang bijaksana telah dengan betul membuat beberapa penemuan fakta mengenai intipati-intipati kesalahan bagi pertuduhan terhadap ketiga-tiga tertuduh. Tiada keraguan tentang kematian si mati berdasarkan keterangan ikut keadaan dan daripada profil DNA jasad yang ditemui. Hakim bicara yang bijaksana juga telah membuat penilaian kehakiman yang betul dalam menerima keterangan SP4 yang disokong oleh pernyataan beramaran P33, dan seterusnya mendapati keterangan yang dikemukakan oleh pihak pembelaan telah gagal menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan yang jelas menunjukkan bahawa si mati telah dibunuh oleh ketiga-tiga tertuduh menurut niat dan perancangan bersama mereka.

[51] Adalah ternyata kepada kami berdasarkan keterangan-keterangan yang telah dikemukakan bahawa pihak pendakwa telah berjaya membuktikan kesnya terhadap ketiga-tiga tertuduh dengan melampaui keraguan yang munasabah. Dengan yang demikian, rayuan tertuduh pertama dan tertuduh ketiga dalam rayuan mereka masing-masing adalah ditolak. Sabitan dan hukuman terhadap mereka dikekalkan.

Rayuan-rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Mashrifah Ravendran